

Kepada,

Koordinator/Pengerusi,
Komiti Kateketikal Paroki

Saudara/Saudari,

MESYUARAT PARA KOORDINATOR KOMITI KATEKETIKAL PAROKI 2010

Salam damai dalam Yesus Kristus dan selamat Tahun Baru 2010!

Sukacita dimaklumkan bahawa mesyuarat tersebut di atas akan diadakan pada **6 Februari 2010 (Sabtu)**, bertempat di Pusat Pastoral Katolik (CPC), Jalan Hiburan 3, Taman Hiburan, Penampang bermula jam.8.30 pagi - 4.00 petang.

AGENDA:

1. Doa Pembukaan
2. Pengesahan Minit Mesyuarat yang lalu
3. Perkara-perkara berbangkit
4. Laporan daripada Komiti Kateketikal Paroki 2009 & Perancangan 2010 (*Sila sediakan laporan bertulis*)

(*Report for the year 2009 and Planning 2010. Please prepare your written report*)
5. Mengkaji semula Inisiasi Kristian Dewasa (Review of RCIA)
6. Minggu Kateketikal Tahun 2010 (Catechetical Sunday 2010)
7. Retret Tahunan Kateketikal (Catechetical Annual Retreat)
8. Hal-hal lain
9. Tarikh mesyuarat akan datang
10. Doa Penutup

Sila hantarkan nama Koordinator, Pengerusi dan AJK Komiti Kateketikal Paroki yang terkini untuk makluman Pejabat Kateketikal Keuskupan.

Berserta surat ini disertakan Takwim Inisiasi Kristian Dewasa dan Siri Kateketik Malaysia 2010 untuk tindakan anda selanjutnya.

Kehadiran dan kerjasama daripada saudara dan saudari ke mesyuarat ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Semoga Tahun Baru ini akan memberikan kita lebih semangat untuk melayani di ladang-Nya.

"Melayani Bersama di dalam Iman, Harapan dan Cintakasih"

Yang melayani dalam Kristus,

Sr. M. Dariah Ajap, fsic
Koordinator, Komisi Kateketikal Keuskupan Agung
Kota Kinabalu

s.k. Rev. Fr. Nicholas Stephen – Penasihat Rohani